

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [ LUMUT ]**

**TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada IPT Awam akan meneruskan pengajaran dalam talian selepas pandemik COVID-19 pulih serta menggariskan peratusan pembahagian masa antara waktu pengajaran dalam talian berbanding secara fizikal dan kesannya terhadap kos pengajian.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Prosedur Pengoperasian Sektor Pendidikan Tinggi menetapkan agar semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melaksanakan PdP secara hibrid. PdP hibrid menggabungkan kaedah secara bersemuka dan dalam talian. Pendekatan ini membolehkan pelajar di kampus menjalani PdP secara bersemuka dengan pematuhan SOP yang ketat di samping PdP secara dalam talian yang diteruskan bagi kursus yang bersesuaian. Dalam masa yang sama, semua aktiviti PdP secara bersemuka dan berkumpulan juga telah dibenarkan.

Dalam hubungan ini, kaedah pembelajaran hibrid didapati bersesuaian dan menyokong pelajar dari pelbagai latar belakang dan keperluan pembelajaran. Jadinya, PdP secara hibrid akan terus dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Bagi peratusan masa, KPT memberikan fleksibiliti kepada IPT untuk menentukan kaedah PdP mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

Berkenaan dengan yuran pula, pada 14 September 2021 yang lalu, KPT telah mengumumkan inisiatif pengurangan yuran sebanyak 20 peratus bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 kepada semua pelajar di Universiti Awam (UA). Inisiatif pengurangan yuran yang melibatkan anggaran nilai berjumlah RM175 juta ini dijangka memberikan manfaat kepada kira-kira 555,340 pelajar warganegara Malaysia di setiap peringkat pengajian bermula dari peringkat Asasi sehingga ke peringkat Pasca Siswazah. Ia juga turut merangkumi pengajian sepenuh dan separuh masa.

Suka saya kongsi di sini bahawa pengurangan yuran pelajar sebanyak 20 peratus pada kali ini adalah lebih luas kerana ia melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA. Ini meliputi Yuran Pendaftaran, Yuran Pengajian, Yuran Asrama, Yuran Perkhidmatan, Yuran Perpustakaan, Yuran Aktiviti Pelajar, Yuran Alumni, Yuran Kesihatan dan Insurans, Yuran Kebajikan dan lain-lain. Sekian, terima kasih.